



## CARTA FUNGI JAWATANKUASA INDUK SISTEM PERSEKITARAN BERKUALITI JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA



### PENCERUSI

- Menentukan hala tuju keseluruhan pelaksanaan Amalan 5S JUPEM;
- Menjadual dan melaksanakan mesyuarat Jawatankuasa Induk;
- Membentuk pelan tindakan pelaksanaan Amalan 5S;
- Menetapkan dasar, peraturan serta garis panduan;
- Melantik Penyelaras/Koordinator/Setiausaha, Ketua Jawatankuasa Kecil dan Ketua Zon;
- Menentukan pembahagian zon 5S;
- Menetapkan sistem pengiktirafan/penghargaan;
- Mengawasi dan menilai kemajuan pelaksanaan dengan bantuan Jawatankuasa Kecil; dan
- Memantau kemajuan pelaksanaan Amalan 5S melalui contoh amalan terbaik.

### SETIAUSAHA

#### JAWATANKUASA PROMOSI

- Menyediakan pelan pelaksanaan aktiviti promosi Amalan 5S Tahunan bagi rujukan dan pelaksanaan Jabatan;
- Mengadakan mesyuarat dan membincangkan serta menyelaraskan aktiviti secara berkala;
- Membuat perancangan perbelanjaan bagi menjalankan aktiviti promosi Amalan 5S;
- Melaksanakan usaha mempromosi dan menggalakkan aktiviti Amalan 5S kepada seluruh warga Jabatan;
- Menyedia dan mengemaskinkan Sudut 5S Jabatan;
- Menyediakan bahan-bahan promosi seperti buletin, majalah, brosur, poster, flyers, lencana, logo, bunting, banner, emel dan lain-lain yang sesuai; dan
- Menyediakan dan mengemaskini fail Jawatankuasa bagi tujuan dokumentasi dan audit.

#### JAWATANKUASA LATIHAN

- Menyediakan pelan pelaksanaan aktiviti latihan bagi memupuk Amalan 5S kepada semua warga kerja JUPEM;
- Memastikan setiap warga kerja Jabatan diberi pemahaman dan latihan berkaitan Amalan 5S;
- Mengajurkan program latihan sama ada berbentuk taklimat, seminar, bengkel, lawatan atau lain-lain yang bersesuaian;
- Menyediakan Panduan Amalan 5S untuk rujukan semua warga JUPEM; dan
- Menyediakan dan mengemaskini fail Jawatankuasa bagi tujuan dokumentasi dan audit.

#### JAWATANKUASA AUDIT

- Menyediakan dan mengemaskini kriteria audit dalam Amalan 5S;
- Menentukan kekerapan, menyediakan jadual dan menjalankan aktiviti audit 5S;
- Mengadakan mesyuarat Jawatankuasa secara berkala;
- Menasihat Jawatankuasa Induk berhubung keperluan Amalan 5S semasa;
- Menyediakan laporan dan analisis keputusan audit 5S;
- Menyediakan platform bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran Juruaudit;
- Memberi khidmat nasihat audit kepada JUPEM Negeri apabila perlu; dan
- Menyediakan dan mengemaskini fail Jawatankuasa bagi tujuan dokumentasi dan audit.

#### KETUA ZON

- Menggalakkan penglibatan semua ahli melaksanakan 5S dan mengadakan mesyuarat secara berkala;
- Merancang dan melaksanakan aktiviti 5S;
- Memberikan maklum balas mengenai status pelaksanaan dan maklumat 5S Zon kepada Setiausaha;
- Menyediakan etika kerja yang perlu dipatuhi oleh ahli;
- Membantu dalam aktiviti latihan, promosi dan audit di Zon;
- Membantu memberikan panduan dan motivasi kepada ahli-ahli zon; dan
- Menilai berkesanannya aktiviti 5S dan seterusnya menggalakkan idea penambahbaikan secara berterusan bagi memudahkan Amalan 5S.